

RABU, 19 MAC, 1980

## Kemajuan kita dalam industri

DARI sebuah negara pembekal bahan-bahan mentah seperti getah, timah, balak, kelapa kering, kelapa sawit dan lain-lain, maka Malaysia kini telah melangkah jauh ke dalam bidang perindustrian, mengeksport barang-barang elektronik seperti radio dan televisyen, pakalan seperti kemeja, seluar dan sepatu, motokar, makanan dalam tin serta berbagai barang perkilangan lagi. Jadi tidaklah hairan kalau dalam masa sepuluh tahun yang lalu, sektor perindustrian kita telah mengadakan 300,000 peluang pekerjaan bagi rakyat mencari rezeki.

Datuk Seri Doktor Mahathir Mohamad berkata zaman manakala Malaysia dipandang semata-mata sebagai negara pengeluar bahan-bahan mentah telah berlalu. Timbalan Perdana Menteri berkata Malaysia telah mencapai kemajuan pesat dalam bidang perindustrian sama seperti negara-negara maju dan dapat mengeluarkan berbagai barang untuk kegunaan dalam negeri dan bagi eksport.

Tidaklah dapat dinafikan betapa pentingnya sektor perindustrian kepada kemajuan ekonomi kita walau pun setengah-setengah pihak meragukan kebijaksanaan mendapatkan pelaburan asing ke negeri ini kerana khuatirkan penjajahan ekonomi. Tetapi negara-negara yang maju seperti Amerika Syarikat pun masih lagi memerlukan pelaburan asing dan kini sedang berusaha untuk mendapatkan perusahaan-perusahaan motokar Jepun mendirikan kilang-kilang mereka di Amerika. Demikian jugalah dengan negara-negara Eropah yang sedia menerima pelaburan dari luar untuk meningkatkan lagi perindustrian mereka terutama dalam bidang-bidang khusus.

Negara-negara membangun yang lain-lain pun berebut-rebut hendak mendapatkan pelaburan asing di negara masing-masing kerana dengan cara itu dapat menolong mengatasi masalah besar memberi pekerjaan kepada rakyat masing-masing. Sudah tentulah dalam zaman celek ini tiap-tiap negara mengadakan kawalan-kawalan tertentu supaya penjajahan ekonomi tidak boleh berlaku.

Adalah mudah untuk cuba menakutkan rakyat tentang kesan pelaburan asing tetapi pihak-pihak yang berkenaan tidak dapat menunjukkan bagaimana hendak memberi pekerjaan kepada seberapa ramai rakyat yang boleh. Dan kerajaan bukan semata-mata menggalakkan pelaburan asing tetapi lebih menggalakkan pelaburan tempatan kerana Malaysia tidak kurang pemodal dan tenaga pekerja. Sebarang perusahaan yang banyak menggunakan tenaga pekerja memang djalu-alukan tetapi yang lain-lain tidak pula ditolak.